



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**6 Januari 2021
22 Jamadilawal 1442H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Jabatan Perikanan sedia lapor salah laku kepada polis, SPRM
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">• Jabatan Perikanan digesa siasat, ambil tindakan• Banjir jadi sumber rezeki• Jabatan Perikanan serius tangani aktiviti pengambilan benih kerang
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• Jabatan Perikanan serius tangani isu benih curi kerang
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• Sisa plastik jadi punca kematian hidupan marin
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• 22 petani, penternak dan nelayan terjejas banjir terima bantuan• Jabatan Perikanan alu alukan laporan salah laku kakitangan
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">• Disabled man has fighting spirit
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Dateline	<ul style="list-style-type: none">•
Bernama	<ul style="list-style-type: none">• Jamal pulls cockle-roasting stunt to highlight cockle spat thief
See Hua Daily News (Kuching)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
The Borneo Post	<ul style="list-style-type: none">•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN	✓	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		19 6/1/2021

BH M/S 19 6/1/2021
Ceroboh kawasan pemberian kerang

Jabatan Perikanan digesa siasat, ambil tindakan

Putrajaya: Jabatan Perikanan digesa menjalankan siasatan dan mengambil tindakan segera terhadap aktiviti pencerobohan kawasan pemberian kerang di sekitar pesisir pantai Sungai Lemam, Sungai Besar di Selangor, sejak dua minggu lalu.

Ketua UMNO Bahagian Sungai Besar, Datuk Seri Jamal Md Yunos, berkata beliau yang turut meninjau aktiviti di kawasan pesisir pantai itu mendapati kira-kira 100 bot tidak dikenali menggunakan peralatan tangkapan moden menjalankan aktiviti di kawasan berkenaan.

Beliau berkata, penggunaan penangkapan moden itu boleh merosakkan benih kerang dan ia turut didalangi penduduk tempatan.

Katanya, negara mengalami kerugian hasil laut yang tinggi kerana bagi setiap setin minyak tanah benih kerang boleh menghasilkan sehingga 10 tan kerang matang.

"Aktiviti berleluasa tanpa pemantauan pihak berkuasa itu mendapat permintaan tinggi dari pembeli di Thailand yang membeli sekitar RM1,000 bagi setiap tin minyak tanah," katanya selepas menyampaikan memorandum kepada Ketua Pengarah Perikanan, Ahmad Tarmidzi Ramly yang diwakili pegawaiannya, Mohd Azhar Mohd Zain.

Jamal sebelum ini dilaporkan membakar kerang di hadapan Pejabat Perikanan Daerah Sabak Bernam di Sungai Besar bagi membantah tindakan pencerobohan itu.

Beliau sekali lagi melakukan perkara sama berhampiran Jabatan Perikanan di Presint 3 sebagai sindiran kepada jabatan itu berikutan kegagalan membendung aktiviti menicuri benih kerang di sekitar pesisir pantai Sungai Lemam, Sekinchan.

Katanya, kegagalan pihak berkuasa mengambil tindakan terhadap mereka yang melakukan perbuatan itu menimbulkan tanda tanya dalam kalangan penduduk jika sebenarnya ada unsur rasuah.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN	✓	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF				NEGATIF		NEUTRAL		21 6/1/2021

Banjir jadi sumber rezeki

8H M/S 21 6/1/2021

Ali raih 5kg ikan air tawar hasil pasang jaring di sekeliling kawasan rumah

Oleh Adnan Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Kluang: Berkat kesanggupan untuk berikhtiar, keadaan banjir yang menenggelami halaman rumah dimanfaatkan sebagai 'sumber rezeki' bagi Ali Bain meraih pendapatan sampingan yang lumayan di Kampung Sri Lukut, di sini.

Ali, 35, berusaha mengatasi kesulitan dihadapi dengan memasang jaring mengelilingi kawasan rumahnya sejak hari pertama banjir melanda pada Sabtu lalu.

Katanya, hasilnya, setiap hari tidak kurang lima kilogram (kg) ikan air tawar pelbagai spesies tersangkut pada jaring itu.

"Antara ikan bermutu tinggi yang ditangkap ialah jelawat, baung dan peling banyak, ikan lampam serta sebarau.

"Selain dijual kepada mereka yang berminat, kami juga memikmati sendiri hasil tangkapan itu sebagai lauk.

"Ia bukan hanya dapat men-

jimatkan perbelanjaan harian tetapi juga membantu menjana pendapatan sampingan yang lumayan," katanya ketika ditemui BH, semalam.

Dalam perkembangan lain, Tok Batin Kampung Orang Asli Sedohok, Halim Jahari serta Tok Batin Kampung Orang Asli Berasau, Sari Achu, pulu mengeluh apabila pukat gombang dipasang di Sungai Sembrong dan Sungai Kahang rosak akibat dilanggar sampah, terutama kayu dihantarkan banjir kali ini.

Katanya, puluhan pukat gombang yang dipasang di Sungai Sembrong tidak sempat dinattività kerana tidak menyangka banjir kali ini agak tinggi berbanding kebiasaan.

Sari berkata, pukat gombang digunakan dalam usaha mencari pendapatan utama sebahagian penduduk Kampung Orang Asli Berasau, kini tidak dapat digunakan selepas rosak teruk akibat dilanggar kayu besar dihantarkan banjir.



Ali (kiri) menunjukkan ikan jelawat dijual yang tersangkut pada jaring dipasang di halaman rumahnya di Kampung Sri Lukut, Kluang.
(Foto Adnan Ibrahim/BH)

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		29	6/11/2021



PLASTIK mampu menyumbat sistem pencernaan hidupan marin seperti penyu.

KOSMO M/S 29 6/11/2021

Sisa plastik jadi punca kematian hidupan marin

TINDAKAN mengurangkan pembuangan sisa plastik ke lautan mampu untuk mengurangkan dan mencegah kematian hidupan marin.

Penelitian daripada badan Penyelidikan Perindustrian dan Industri Komanwel (CSIRO) menunjukkan lebih daripada 700 spesies hidupan laut seperti paus, ikan lumba-lumba dan penyu menelan sisa-sisa plastik.

Sisa plastik yang dibuang ke dalam laut dapat membunuh haiwan yang memakannya.

Ini kerana, plastik berupaya untuk menghalang atau menyumbat sistem

pencernaan hidupan marin.

Potongan plastik yang tajam pula mampu untuk menembusi dinding usus haiwan marin sehingga menyebabkan infeksi atau jangkitan dan kadang-kadang boleh membawa maut.

Badan pengkaji CSIRO menganggarkan 8 juta tan plastik masuk lautan setiap tahun sehingga menyebabkan masalah berkenaan menjadi tidak terkawal.

Penelitian juga mendapati plastik boleh menyebabkan penyumbatan usus sekali gus menjadi punca utama kepada kematian hidupan marin.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	✓	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		22	6/1/2021

SU M 22 6/1/2021
226 petani, penternak dan nelayan terjejas banjir terima bantuan

KUALA TERENGGANU – Seramai 226 petani, penternak dan nelayan di Terengganu yang terjejas dalam bencana banjir kini mampu menarik nafas lega apabila menerima bantuan berupa sagu hati kerajaan negeri.

Exco Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, bayaran daripada Tabung Bencana Pertanian Terengganu itu melibatkan peruntukan RM194,700.

Menurutnya, jumlah bayaran bermula September lalu itu diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Bencana Pertanian Negeri Terengganu pada minggu lalu.

Katanya, ada yang sudah dibayar, manakala selebihnya dalam proses bayaran.

“Petani, penternak dan nelayan kelompok

yang sering terkesan pada hujung tahun lantaran fenomena bencana banjir di Terengganu.

“Antara aduan yang kita terima adalah bot nelayan rosak dibadai ombak besar, ternakan ikan sangkar mati, tanaman ditenggelami banjir, haiwan ternakan mati dihanyut air bah dan sangkar ikan rosak.

“Ada juga aduan melibatkan reban ayam dan bangsal cendawan ditimpa pokok yang tunibang dan semua aduan rakyat yang diterima kita ambil perhatian,” katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Bagaimanapun Dr Azman berkata, jumlah sagu hati dibayar kepada setiap penerima adalah berbeza kerana bergantung kepada keluasan tanaman terjejas dan jumlah ikan atau haiwan ternakan yang mati atau terkesan banjir.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !	THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	✓ THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		12 6/1/2021



Fighting fish breeder Mohd Faizal Khamis at his home and fish farm in Kampung Batu 7, Simpang Renggam, Johor, recently. BERNAMA PIC

NST M/S 12 6/1/2021

Disabled man has fighting spirit

KLUANG

M OHD Faizal Khamis may be wheelchair-bound, but he has never allowed his disability to stand in the way of attaining success as an entrepreneur.

He breeds betta fish, more commonly known as fighting fish, for sale and runs a thriving business from his home in Kampung Batu 7 in Simpang Renggam, Johor. Faizal, 38, became paralysed from the waist downwards due to a nerve disorder at age 11.

He said demand for fighting fish surged so much during the Movement Control Order (MCO) that the fish were often in short supply.

"My hobby and interest in rearing fighting fish peaked in 2016. During the MCO, there was an overwhelming demand for the ornamental fish, probably because people had more time to tend to the fish."

He said he had been busy serving hordes of customers, some of whom were willing to spend up to 10 hours at his farm to ensure they got the best ones.

Fighting fish are small freshwater fish native to Southeast Asia and known for their dramatic and vibrant flowing fins, as well as their combatant nature.

Faizal took up fighting fish rearing as a hobby in 2007 and decided to make a business out of it in 2013 after learning how to breed the fish from online resources.

"In 2013, when I was looking for something to do to generate income, I thought of rearing guppy fish at first. But I decided to try my hand at breeding fighting fish after I read an article about it and found out more about it on blogs. That was how my company Steady Betta was established."

Faizal is the youngest of 12 siblings and studied only up to Year Six.

He said he had never regarded his disability as an impediment to his personal development.

With a capital of just RM200, he bought a pair of fighting fish of a local species and

has never looked back.

Two years ago, the Fisheries Department helped him buy RM20,000 worth of equipment for his business.

Today, he breeds about 1,000 mature fighting fish and fish fry of the Crown Tail, Half Moon, Giant and Dumbo species in his mini-farm in the garden of his house.

He also breeds water fleas in tanks laced with green algae. Known as motina, the fleas serve as food for the fighting fish.

Recently, he also started to feed his fish wolfenia, an aquatic plant that is high in protein.

Faizal, whose mini-farm is monitored by the Kluang district Fisheries Department, has many acquaintances in Malaysia, Thailand, Brunei and Vietnam who share information on the breeding of fighting fish.

Faizal's fighting fish can fetch between RM10 and RM2,000 for a pair, with prices varying according to the fish's special features.

The Crown Tail species is a favourite, especially among customers who wish to enter fighting fish competitions.

There was an incident where thieves broke into his house compound one night and carted away jars containing about 20 fighting fish and water fleas.

"Luckily, the fish that were stolen were not the high-grade varieties. Ever since that incident, I can only sleep lightly at night," said Faizal, whose mother, Mon Omar, 78, and sister, Rosle, 44, assist him in running his mini-farm.

Faizal also has a television and radio repair certificate from the Industrial Training and Rehabilitation Centre in Bangi, Selangor.

Faizal, whose fighting fish has won top prizes at various competitions at the district and state levels, urged people with disabilities to strive to be independent and to keep learning to be successful.

"Look at me. Eight years ago, I didn't know anything, but now I've become a fighting fish breeder. From zero to hero," Bernama

JENIS AKHBAR								MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		ONLINE	6/1/2021

Jabatan Perikanan sedia lapor salah laku kepada polis, SPRM



- Oleh AMREE AHMAD
- 5 Januari 2021, 8:04 pm

PUTRAJAYA: Jabatan Perikanan Malaysia mengalu-alukan sebarang laporan berhubung isu salah laku kakitangan agensi itu yang menyalahi undang-undang atau tidak berintegriti.

Jabatan itu menambah, sebarang bukti yang ada boleh diserahkan terus kepada pihak polis atau Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk tindakan susulan.

“Pihak jabatan juga akan sedia memberi sokongan penuh terhadap sebarang proses siasatan yang perlu dijalankan oleh dua agensi terbabit,” katanya menerusi kenyataan di sini, hari ini.

Ia sebagai merujuk memorandum yang diserahkan oleh Ketua UMNO Bahagian Sungai Besar, Datuk Seri Jamal Md. Yunos kepada Ketua Pengarah Perikanan, Ahmad Tarmidzi Ramly.

Pemimpin UMNO Selangor itu turut membakar kerang sebagai gimik di pekarangan jabatan tersebut kerana geram dengan tindakan Geng Rotor mencuri benih kerang di kawasannya. Mengulas lanjut, kenyataan itu memaklumkan bahawa pihak Jabatan Perikanan Selangor telah menjalankan aktiviti penguatkuasaan bagi membanteras kumpulan penjenayah tersebut.

"Ia dilakukan pada 17 Disember tahun lalu Pejabat Perikanan Daerah Sabak Bernam dibantu Cawangan Perlindungan Sumber Pelabuhan Klang, Jabatan Perikanan Selangor," katanya.

Operasi itu berjaya merampas 10 guni anak kerang di dalam tempat simpanan barang dan 10 guni berdekatan sebuah kereta selain enam tangguk tangan dan satu penyukat anak kerang.

Hasil rampasan itu bernilai sekitar RM20,000 dan disusuli pada 30 Disember lalu, mereka telah berjaya menyita 13 guni benih kerang yang ditinggalkan di Jalan Bagan 9, Sekinchan.

Ini dianggarkan RM26,000 manakala terkini pada 1 Januari lalu, Pejabat Perikanan Daerah Sabak Bernam merampas 18 tangguk tangan yang digunakan untuk aktiviti curi anak kerang.

"Serbuan di darat pada pukul 3 pagi itu ke atas suspek namun kesemua sempat lari ke arah laut menggunakan sampan berenjin ekor biawak bersama anak kerang di dalam guni.

Bagaimanapun, Pejabat Perikanan Daerah berjaya menyita 18 peralatan tangguk tangan yang masih ada sisa anak kerang disyaki digunakan untuk kegiatan itu dengan nilaianya RM3,600.

Menyentuh aduan Jamal mengenai kegiatan pengambilan benih kerang secara haram dengan menggunakan enjin 'rotor', kenyataan itu berkata, Jabatan Perikanan melarang kaedah itu.

"Ini meliputi aktiviti kutip benih kerang di kawasan tapak semula jadi oleh para nelayan dan penternak dengan kaedah tidak yang berlesen termasuk bot berenjin rotor," tegas jabatan itu.

Ia ujarnya, boleh merosakkan ekosistem dan hidupan akuakultur lain, namun siri tindakan penguatkuasaan bersama pelbagai agensi lain sama ada di laut dan di darat akan diteruskan.

Jabatan itu turut menyambut baik beberapa cadangan yang disampaikan oleh Jamal malah sentiasa melakukan rondaan serta pemantauan bagi mengekang kes kecurian benih kerang.-UTUSAN ONLINE

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN	✓	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		ONLINE 8/1/2021

Jabatan Perikanan serius tangani aktiviti pengambilan benih kerang

Oleh [Samadi Ahmad](#) - Januari 5, 2021 @ 8:21pm

bhnews@bh.com.my

PUTRAJAYA: Jabatan Perikanan serius menangani aktiviti pengambilan benih di kawasan tapak benih semula jadi kerang.

Menurut Unit Komunikasi Korporat jabatan itu, pihaknya melarang sebarang aktiviti pengambilan benih kerang termasuk nelayan dan penternak tidak berlesen dengan menggunakan apa juga kaedah termasuk penggunaan bot enjin rotor.

Katanya, sepanjang bulan lalu hingga kini bahagian penguatkuasaan Jabatan Perikanan Selangor sudah mengadakan operasi dan berjaya membuat beberapa rampasan membabitkan pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Pada 17 Disember lalu Pejabat Perikanan Daerah Sabak Bernam dibantu Cawangan Perlindungan Sumber Pelabuhan Klang, Jabatan Perikanan Selangor merampas 10 guni anak kerang dalam sebuah kereta Proton Wira.

"Selain itu, sebanyak enam tangguk tangan dan satu penyukat anak kerang turut dirampas dengan anggaran hasil rampasan berjumlah kira-kira RM20,000," katanya dalam kenyataan hari ini.

Kenyataan itu susulan memorandum diserahkan Ketua UMNO Bahagian Sungai Besar, Datuk Seri Jamal Md Yunus hari ini, menggesa jabatan itu menjalankan siasatan dan mengambil tindakan segera terhadap aktiviti pencerobohan kawasan pembenihan kerang di sekitar kawasan pesisir pantai Sungai Leman, Sungai Besar, Selangor, sejak dua minggu lalu.

Menurut jabatan itu, pada 30 Disember lalu pihak penguat kuasa juga menyita 13 guni benih kerang yang ditinggalkan di Jalan Bagan 9, Sekinchan, dengan jumlah rampasan dianggarkan sebanyak RM26,000.

Selain itu, pada 1 Januari lalu, Pejabat Perikanan Daerah Sabak Bernam merampas 18 tangguk tangan yang digunakan untuk aktiviti mencuri anak kerang manakala

penguat kuasa juga mengadakan serbuan di darat pada jam 3 pagi hari sama terhadap beberapa orang yang disyaki, namun kesemua suspek sempat melarikan diri ke laut menggunakan sampan berenjin 'ekor biawak' bersama anak kerang yang diisi di dalam guni.

"Bagaimanapun, kakitangan Pejabat Perikanan Daerah berjaya menyita 18 peralatan tangkuk tangan yang masih berisi sisa anak kerang yang digunakan untuk aktiviti itu dengan nilai rampasan adalah dianggarkan sebanyak RM3,600.

"Jabatan menyambut baik cadangan yang diberikan dan akan sentiasa melakukan rondaan serta pemantauan di laut juga di darat bagi mengekang kes kecurian benih kerang.

"Tindakan membanteras aktiviti ini akan diadakan secara berterusan dengan kerjasama agensi penguatkuasaan lain sama ada di laut dan di darat," katanya.



Ketua UMNO Bahagian Sungai Besar, Datuk Seri Jamal Md Yunos bersama sebahagian nelayan di perkarangan Wisma Tani selepas menyerahkan memorandum kepada Jabatan Perikanan Malaysia berhubung kes kecurian benih kerang. - Foto Luqman Hakim Zubir

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	✓	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		ONLINE	6/11/2021

Jabatan Perikanan serius tangani isu benih curi kerang

- [MyMetro](#)
- [Mutakhir](#)



JAMAL Md Yunos bersama sebahagian nelayan membakar kerang di perkarangan Wisma Tani selepas menyerahkan memorandum kepada Jabatan Perikanan Malaysia berhubung kes kecurian benih kerang. FOTO LUQMAN HAKIM ZUBIR

Samadi Ahmad
am@hmetro.com.my

Putrajaya: Jabatan Perikanan serius dalam menangani aktiviti pengambilan benih di kawasan tapak benih semula jadi kerang.

Menurut Unit Komunikasi Korporat jabatan itu, pihaknya melarang sebarang aktiviti pengambilan benih kerang termasuk nelayan dan penternak tidak berlesen dengan menggunakan sebarang kaedah termasuk penggunaan bot berenjin rotor.

Katanya, sepanjang Disember tahun lalu dan bulan ini, Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Perikanan Selangor sudah mengadakan operasi dan membuat beberapa rampasan.

"Pada 17 Disember lalu, Pejabat Perikanan Daerah Sabak Bernam dibantu Cawangan Perlindungan Sumber Pelabuhan Klang, Jabatan Perikanan Selangor merampas 10 guni anak kerang di dalam kereta Proton Wira.

"Selain itu, sebanyak enam tangguh tangan dan satu penyukat anak kerang turut dirampas dengan anggaran hasil rampasan berjumlah RM20,000," katanya melalui satu kenyataan media, hari ini.

Kenyataan itu susulan memorandum diserahkan Ketua Umno Bahagian Sungai Besar, Datuk Seri Jamal Md Yunus hari ini, menggesa jabatan itu menjalankan siasatan dan mengambil tindakan segera terhadap aktiviti pencerobohan kawasan pemberian kerang di sekitar kawasan pesisir pantai Sungai Leman, Sungai Besar, Selangor, sejak dua minggu lalu.

Menurut jabatan itu, pada 30 Disember lalu pihak penguat kuasa menyita 13 guni benih kerang yang ditinggalkan di Jalan Bagan 9, Sekinchan, dengan jumlah rampasan dianggarkan RM26,000.

Selain itu, pada 1 Januari lalu, Pejabat Perikanan Daerah Sabak Bernam merampas 18 tangguh tangan yang digunakan untuk aktiviti mencuri anak kerang dan satu serbuan dilakukan terhadap beberapa orang yang disyaki, namun semua suspek sempat melarikan diri ke arah laut menggunakan sampan berenjin 'ekor biawak' bersama anak kerang diisi di dalam guni.

"Bagaimanapun, kakitangan Pejabat Perikanan Daerah berjaya menyita 18 peralatan tangguh tangan masih berisi sisa anak kerang digunakan untuk aktiviti itu dengan nilai rampasan RM3,600.

"Jabatan ini menyambut baik cadangan diberikan dan akan sentiasa melakukan rondaan serta pemantauan di laut serta di darat bagi mengekang kes kecurian benih kerang.


"Tindakan penguatkuasaan membanteras aktiviti ini akan diadakan secara berterusan dengan kerjasama agensi penguatkuasaan lain sama ada di laut dan di darat," katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Selasa, 5 January 2021 @ 10:09 PM

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	✓	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		ONLINE	6/1/2021

Jabatan Perikanan alu-alukan laporan salah laku kakitangan

TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN || 05 Januari 2021



Sebahagian tangguk tangan yang digunakan bagi aktiviti mencuri anak kerang di perairan Sabak Bernam disita dalam serbuan pada Jumaat.

PUTRAJAYA - Jabatan Perikanan Malaysia mengalu-alukan sebarang laporan berkaitan salah laku kakitangannya yang menyalahi undang-undang atau tidak mempunyai integriti.

Jabatan Perikanan Malaysia dalam satu kenyataan pada Selasa memaklumkan, sebarang bukti boleh diserahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau polis untuk tindakan lanjut.

“Jabatan ini akan memberi sokongan penuh terhadap siasatan yang dijalankan,” kata kenyataan tersebut.

Kenyataan turut menyebut bahawa aktiviti pengambilan benih kerang di kawasan tapak benih semula jadi oleh penternak, nelayan termasuk penggunaan bot berenjin rotor adalah tidak dibenarkan.

“Jabatan akan sentiasa melakukan rondaan serta pemantauan di laut dan darat bagi mengekang kes kecurian benih kerang,” katanya.

Menurut kenyataan itu juga, tindakan penguatkuasaan bersama agensi lain akan diteruskan sama ada di laut atau di darat.

“Jabatan menyambut baik cadangan-cadangan yang disampaikan,” katanya.

Sebelum ini, Ketua UMNO Bahagian Sungai Besar, Datuk Seri Jamal Md Yunos menyerahkan memorandum berhubung kecurian benih kerang di Pantai Redang, Sekinchan.

Jamal mendakwa, tiada tindakan diambil oleh jabatan itu terhadap aktiviti kecurian benih kerang yang berlaku sejak tiga minggu lalu.

Artikel Penuh : <https://www.sinarharian.com.my/article/117701/Jabatan-Perikanan-alu-alukan-laporan-salah-laku-kakitangan>

© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangkraf

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI BERNAMA	✓		
KATEGORI LIPUTAN:	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		ONLINE	6/1/2021

PUTRAJAYA, Jan 5 -- Sungai Besar UMNO division chief Datuk Seri Jamal Md Yunos pulled a stunt by roasting cockles outside Wisma Tani today in an effort to highlight the theft of cockle spats in Pantai Sungai Lemang, Sekinchan, Selangor.

Prior to his stunt, he handed over a memorandum to the Fisheries Department at Wisma Tani regarding the theft of cockle spats in the area that has been ongoing for the past three weeks, which he alleged was being perpetrated by a group of foreigners.

When met by the media after handing over the memorandum to Fisheries Department director-general Mohd Azhar Mohd Zin, Jamal expressed his hopes that the Fisheries Department would increase monitoring at the beach area, including conducting combined patrols with the Marine Police and the Malaysian Maritime Enforcement Agency.

The Fisheries Department provided feedback in a statement regarding the memorandum, stating that it had conducted three operations against the illegal gathering of cockle spats from natural cockle beds in Selangor throughout December 2020 and early this year.

"The department also does not allow anyone to gather cockle spats from any natural cockle beds, including fishermen and breeders using any technique if they are unlicensed," the statement read.

The department welcomed the suggestions in the memorandum, stating that it would always conduct patrols and monitor both at sea and on land to curb the theft of cockle spats, in addition to conducting joint enforcement actions with other enforcement agencies.

The Fisheries Department also stated that it would support investigations into any reports of wrongdoing by its personnel regarding the theft of cockle spats if there was evidence handed to the Royal Malaysian Police or the Malaysian Anti-Corruption Commission.

--BERNAMA